



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 23 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## Pendakwaan dua pengarah syarikat umrah ditangguh

**KOTA BHARU:** Prosiding pendakwaan keatas dua pengarah Emraz Travel & Tours Sdn. Bhd. (Emraz Travel) berkaitan 51 pertuduhan kes penipuan pakej umrah melibatkan kerugian RM503,221 yang sepatutnya berlangsung di Mahkamah Majistret semalam ditangguh ke 13 Februari depan.

Majistret Ahmad Shafiq Aizat Nazri membuat keputusan tersebut selepas kedua-dua Orang Kena Saman (OKS), Datuk Zulkarnain Endut, 43, dan isterinya, Datin Mazuin Mustafa, 43, tidak hadir ke mahkamah untuk prosiding berkenaan.

Peguam pasangan OKS itu, Ahmad Nizam Mohamed memaklumkan kepada mahkamah, kedua-dua anak guamnya tidak dapat hadir kerana sakit.

Menurutnya, Zulkarnain dan Mazuin mempunyai sijil sakit yang sah untuk mereka tidak hadir.

Sehubungan itu, Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang diketuai Mohd. Sophian Zakaria, Suhana Mohd dan Shafiq Mahadi memohon satu tarikh baharu untuk mendakwa kedua-dua OKS.

Menurut Mohd. Sophian, pihak pendakwaan hanya dimaklumkan mengenai kegagalan kedua-dua OKS yang sakit ke mahkamah pagi semalam.

"Kedua-dua OKS sepatutnya berdepan 51 pertuduhan penipuan membabitkan ratusan ribu ringgit hari ini."

"Mereka juga sudah didakwa 63 pertuduhan atas kesalahan sama di Mahkamah Majistret Putrajaya pada minggu lalu dan kes membabitkan pasangan ini menarik perhatian umum," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan 13 Februari depan sebagai tarikh baharu untuk pendakwaan kedua-dua tertuduh.

## Scammer minyak masak peket

PETALING JAYA – Orang ramai diminta tidak terperdaya dengan iklan dalam talian yang menawarkan minyak masak peket pada harga jauh lebih rendah berbanding pasaran.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, aktiviti penipuan berkenaan sedang berleluasa di media sosial ketika ini.

"Sekarang telah berleluasa aktiviti scam jual minyak masak pa- ket secara online. Cara memper-

daya pembeli telah dikenal pasti oleh penguat kuasa.

"Antaranya membuat iklan umpan dengan harga jauh lebih murah daripada pasaran luar," katanya dalam satu hantaran di Facebook.

Fuziah berkata, setakat ini sebanyak 198 iklan telah dinyahturkan KPDN hasil aduan orang awam dan tindakan segera penguat kuasa dalam membanteras aktiviti scam tersebut.

Justeru, katanya, orang ramai diminta melaporkan sebarang

iklan yang mencurigakan kepada Bahagian Penguatkuasa KPDN.

Kata beliau, laporan boleh dibuat menerusi aplikasi WhatsApp di talian 019-279 4317 / 019-848 8000 atau melalui Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>.

Tambah beliau, laporan boleh juga disalurkan melalui Pusat Panggilan 1-800-886-800, e-mel kepada e-aduan@kpdn.gov.my, aplikasi Ez ADU KPDN atau menghubungi Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245.



ORANG ramai diminta berhati-hati dengan iklan minyak masak peket yang dijual lebih murah berbanding pasaran. – GAMBAR HIASAN

## Dua pengarah sakit, prosiding Emraz Travel tangguh



MOHD. SOPHIAN (tengah) dan Suhana (kiri) ketika ditemui selepas penangguhan prosiding di Mahkamah Majistret Kota Bharu semalam.

KOTA BHARU — Prosiding pendakwaan melibatkan dua pengarah Emraz Travel & Tours Sdn. Bhd. (Emraz Travel) yang sepatutnya didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas 51 pertuduhan berhubung kes penipuan pakej umrah ditangguh ke 13 Februari depan.

Keputusan itu diputuskan Majistret Ahmad Shafiq Aizat Nazri selepas kedua-dua Orang Kena Saman (OKS), Datuk Zulkarnain Endut, 43, dan isterinya, Datin Mazuin Mustafa, 43, tidak hadir ke mahkamah semalam.

Peguami pasangan OKS, Ahmad Nizam Mohamed memaklumkan kepada mahkamah, kedua-dua anak guamnya tidak dapat hadir ke mahkamah atas alasan sakit.

Menurutnya, Zulkarnain dan Mazuin mempunyai sijil sakit yang sah untuk mereka tidak da-



KERATAN Kosmo! 16 Januari 2024.

pat hadir ke mahkamah.

Sehubungan itu, Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) yang diketuai Mohd. Sophian Zakaria, Suhana Mohd. dan Shafiq Mahadi memohon satu tarikh baharu untuk mendakwa kedua-dua OKS.

Menurut Mohd. Sophian, pihak pendakwaan hanya dimaklumkan mengenai kegagalan kedua-dua OKS yang sakit ke mahkamah pada pagi ini.

"Kedua-dua OKS sepatutnya berdepan 51 pertuduhan penipuan membabitkan ratusan ribu

ringgit. Mereka juga sudah didakwa 63 pertuduhan atas kesalahan sama di Mahkamah Majistret Putrajaya pada minggu lalu.

"Kes ini melibatkan kepentingan awam dan mangsa yang ramai. Jadi, pihak pendakwaan memohon satu tarikh baharu dalam tempoh yang singkat untuk pendakwaan," katanya.

Mahkamah kemudian menerapkan 13 Februari depan sebagai tarikh baharu untuk pendakwaan kesemua pertuduhan yang akan dijalankan secara serentak.

Terdahulu, sebuah syarikat pengendali pakej umrah bersama dua pengarahnnya didakwa di Mahkamah Majistret Putrajaya pada 15 Januari lalu atas 63 pertuduhan kerana gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) membayar balik tuntutan RM589,031 kepada 21 mangsa.

HARI: SELASA

TARIKH: 23/1/2024

M/SURAT: 5



ZULKARNAIN dan Mazuin ketika hadir ke Mahkamah Majistret Putrajaya. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

## Tangguh pendakwaan tipu pakej umrah

**Kota Bharu:** Prosiding pendakwaan dua pengarah Emraz Travel & Tours Sdn Bhd membabitkan 51 pertuduhan berkaitan kes penipuan pakej umrah sebanyak RM503,221 di Mahkamah Majistret di sini, semalam ditangguhkan pada 13 Februari depan.

Majistret Ahmad Shafiq Aizat Nazri menetapkan tarikh berkenaan selepas kedua-dua orang kena saman (OKS) yang juga suami isteri, Datuk Zulkarnain Endut, 43, dan isterinya Datin Mazuin Mustafa, 43, gagal hadir di mahkamah.

Peguam Ahmad Nizam Mohamed yang mewakili Datuk Hamif Hassan memaklumkan kepada mahkamah, kedua-dua anak

guamnya tidak dapat hadir ke mahkamah kerana cuti sakit.

Sehubungan itu, Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) yang diketuai Mohd Sophian Zakaria, Suhana Mohd dan Shafiq Makhadi memohon satu tarikh baru dalam tempoh yang singkat.

"Kami hanya baru di-

63

Bilangan tuduhan yang dikenakan ke atas kedua-dua tertuduh

makluman pagi ini OKS tidak hadir kerana cuti sakit. Disebabkan kes ini membabitkan kepentingan awam dan mangsa yang ramai, kita mohon tarikh baru dalam tempoh yang singkat.

"Untuk makluman pihak mahkamah, kedua-dua OKS sepatutnya berdepan 51 pertuduhan hari ini membabitkan kerugian ratusan ribu ringgit. Malah baru-baru ini mereka sudah didakwa atas 63 pertuduhan bagi kesalahan yang sama di Putrajaya," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan 13 Februari sebagai tarikh baru dan kesemua pertuduhan akan dilaksanakan secara seren-

tak.

Media sebelum ini melaporkan sebuah syarikat pengendali pakej umrah bersama dua pengarahnya didakwa di Mahkamah Majistret Putrajaya atas 63 pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) membayar balik tuntutan wang berjumlah RM589,031 kepada 21 mangsa.

Syarikat berkenaan, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd diwakili dua pengarah iaitu Zulkarnain dan Mazuin.

Pasangan terbabit mengaku tidak bersalah, sejurus pertuduhan dikemukakan terhadap mereka di hadapan Majistret Irza Zulaiha Rohanuddin.

## RAW SUGAR IMPORTS

# Ministry monitoring situation, impact on local supply

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is monitoring the development of the global sugar market and its impact on local supply and price.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said stability in the supply of imported raw sugar and sustainability of the local processed sugar supply chain should be given attention, especially at a time when the country depended 100 per cent on imported raw sugar.

"Raw sugar price has been rising over the years and even more worrying is the risk of a global supply shortage," he said.

Industry observers said Malaysia would have to rely entirely on imported sugar if the local industry became unviable.

"The sugar price in Malaysia would then be determined by the world market price, which currently is much higher," said Universiti Teknologi MARA's Faculty of Management and Business senior lecturer Wan Mohd Farid Wan Zakaria.

He said a weak ringgit could also make imports pricier.

The retail price of sugar had edged up by only one sen over the past decade, from RM2.84 per kg in 2013 to RM2.85 now.

Contrary to popular belief, sugar is not subsidised by the government. Despite that, the retail price of sugar in Malaysia is among the lowest in the world.

And with production costs having risen significantly over the years, the price control set by the government is seen squeezing sugar producers.

The average cost of producing a kilogramme of sugar is now much higher than the selling price, resulting in significant losses for refiners.

Amid the government's move to implement subsidy cuts, the producers' request to increase sugar prices has received a negative backlash.

But the reality is that sugar producers face the risk of bankruptcy.

MSM Malaysia Holdings Bhd reportedly suffered a loss

of 88 sen for every 1kg of sugar produced after global raw sugar price surged to US\$21.7 per tonne.

The country's main sugar-producing company has been operating at a loss for the past two years, including the RM36 million loss in the third quarter of last year.

Household sugar consumption averages 2.6kg per month, with per capita consumption at 42kg annually, including industrial consumption.

On a positive note, some health experts said the higher sugar price might lead to Malaysians reducing their sugar intake, which could lead to lower diabetes risk.

## THE PRICE OF ASEAN SUGAR

COUNTRY	RETAIL PRICE RM/KG
Vietnam	RM5.60
Thailand	RM3.91
Singapore	RM7.34
The Philippines	RM8.16
Myanmar	RM5.37
Laos	RM5.63
Indonesia	RM5.74
Cambodia	RM6.02
Brunei	RM4.57
<b>MALAYSIA</b>	<b>RM2.85</b>



# PetDag expects no impact from diesel-subsidy plan

## Company's convenience store division also growing rapidly

### CORPORATE

**PETALING JAYA:** With targeted diesel subsidies set to roll out in the second quarter, PETRONAS Dagangan Bhd's (PetDag) system is prepared for the implementation which will be fleet card-based.

Following a meeting with PetDag's management, Kenanga Research said the retail arm of national oil company Petroliam Nasional Bhd does not expect the subsidy rationalisation to hit its diesel-sales volumes.

This is based on the fact that diesel is an essential fuel item.

"This is also evident from historical data during the floating of petrol and diesel prices in 2019, which showed no material impact on PetDag's retail sales volumes," the research house said in a note.

Two weeks ago, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry said it will implement the Diesel Subsidy Control System 2.0 (DSCS 2.0) via fleet cards.

"The companies involved may apply for their quotas through the MySubsidi Diesel KPDN System

**"We like PetDag due to its highly cash generative business that translates to high capacity to pay dividends."**

Kenanga Research

and then proceed to apply for the fleet card from their preferred diesel company," the ministry said in a statement on Jan 9.

Looking ahead, Kenanga Research said it was "largely neutral" on PetDag's near-term prospects.

"We like PetDag due to its highly cash generative business that translates to high capacity to pay dividends, its strong balance sheet with a sizeable war chest of RM2.8bil, and growing Café Mesra convenience division's revenue on stronger demand.

"However, we are concerned over the long-term prospects of its retail business on the back of electric vehicle (EV) adoption," the research house said.

The research house noted that

PetDag does not expect a substantial earnings contribution from EV charging in its financial year 2024, given the early stage of the EV market.

It added that conversion of alternating current (AC) chargers to direct current (DC) chargers is underway to decrease the average charging time for EV users.

"With 20 available AC charger stations, PetDag's partner, Gentari, will increase capacity in the coming years.

"PetDag will earn income through fees paid by Gentari or profit-sharing arrangements, with no direct operation of the charging stations."

Regarding Café Mesra, Kenanga Research pointed out that PetDag added 60 more outlets in 2023,

including kiosks, in Peninsular Malaysia, bringing the total to 100.

Looking forward, PetDag will grow the franchise at a more measured pace amid soft market conditions.

"An interesting point to note is the stand-alone cafes (those not attached to its petrol stations, but located in shopping malls, office buildings, train stations and terminals) are doing even better given higher foot traffic.

"Nonetheless, Café Mesra's contribution to its convenience division revenue remains insignificant at present," said Kenanga Research.

The research house has maintained its "market perform" call on PetDag, with an unchanged target of RM22.40 per share.

Earnings forecasts have also been maintained.

"Risks to our call include volatility in its product prices, translating to volatility in margins, a slowdown in the domestic economy, resulting in lower demand for fuels, and a slowdown in the air travel segment, resulting in lower demand for jet fuel," the research house added.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Isu kartel beras: Tunggu siasatan MyCC

Oleh MOHAMAD SHOFI

MAT ISA

shofi.isa@mediamulia.com.my

**PEKAN:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Kawalselia Padi dan Beras sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi menyiasat isu kartel yang didakwa menekan nasib pesawah.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, MyCC perlukan sedikit masa bagi memahami dan mempelajari tentang keseluruhan rantai dalam industri padi dan beras negara.

"Isu kartel ini tidak boleh tuduh sembarang kerana kena faham keseluruhan rantai terlebih dahulu.

"Maknanya, kesimpulan awal kita tak boleh buat lagi, kita kena melihat aspek rantai makana dalam sektor padi dan beras sebab ini melibatkan beberapa peringkat dari benih sampai ke beras," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Program SMART Sawah Ber-skala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan, Pekan di Kumpulan Pengguna Air Permatang Durian, skim Merchong di sini semalam.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat merasmikan SMART SBB Ala Sekinchan, Pekan.



AL-SULTAN Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (tengah) mengawal jentera tanaman padi sambil diiringi oleh Mohamad Sabu di Kumpulan Pengguna Air (KPA) Permatang Durian, skim Merchong di Pekan, Pahang semalam. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

## Isu kartel beras: Tunggu siasatan MyCC

Dari muka 1

Turut berangkat, pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

SMART SBB Ala Sekinchan adalah model baharu yang merapkan amalan pertanian berhasil tinggi dengan mempraktikkan pengetahuan, sikap dan amalan dilancarkan pada Mei 2023.

Program ini sudah dilaksanakan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin-Semerak, Kelantan dan IADA KETARA, Terengganu.

Baru-baru ini, ketika bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengi-

lang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman dilaporkan sebagai berkata, kartel dalam industri beras negara wujud dan sedang menipu pengguna dan kerajaan sekali gus menyaksikan kelemahan penguasa yang tidak berupaya menentukan antara beras tempatan dan import.

Beliau dilaporkan berkata, kartel dimonopoli syarikat-syarikat besar yang mempunyai kilang-kilang padi serta pemberong sendiri di bawah penguasaan mereka wujud sejak sekian lama.

Oleh itu, menurutnya, isu kekurangan bekalan beras berlaku apabila mereka menukar gred atau mencampur beras tempatan menjadi import sekali gus mengaut lebih keuntungan.

Sementara itu, mengulas tentang SMART SBB Ala Sekin-

chan, beliau berkata, ia suda dilaksanakan di Kedah, Perlis, Terengganu, Kelantan dan tebaru di negeri ini.

"Pada bulan April ini, akan dilancarkan di Langkawi, Kedah membabitkan luakawan 500 hektar, selepas itu Sabah (500 hektar) dan Sarawak (500 hektar) membabitkan kawasan baharu.

"Ia akan diperluaskan ke seluruh negara dan buat masa ini hanya Johor dan Melaka belum melaksanakannya," katanya.

Marzukhi juga yakin program SMART SBB Ala Sekinchan inisiatif untuk mempertingkatkan pengeluaran pada tempatan di samping menjamin pengeluaran kawasan pertanian padi negara yang setahun menghadapi masalah pengeciran kawasan akibat dipada penukaran status guntanah.

## KPKM, MYCC bekerjasama siasat isu kartel beras

**PEKAN** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC) untuk menyiasat tuduhan wujudnya kartel dalam industri beras negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerjasama tersebut dibuat bagi membolehkan agensi itu melaksanakan siasatan lanjut terhadap isu berkenaan.

Bagaimanapun, ujar beliau, siasatan akan mengambil sedikit masa kerana perlu melihat kepada keseluruhan rantaian sektor berkenaan.

"MYCC mengambil sedikit masa kerana kebiasaannya isu kartel ini tidak boleh tuduh sembarangan. Ia perlu memahami keseluruhan rantaian terlebih dahulu."

"Jadi kesimpulan awal kita tidak boleh buat lagi, tetapi perlu melihat dari aspek rantaian makanan di sektor padi dan beras kerana ia melibatkan beberapa peringkat daripada benih sampai ke beras," jelas Mohamad.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Ala Sekinchan yang disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Kampung Merchong di sini pada Isnin.

Sebelum ini, Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim) mendakwa wujud 'permainan' tertentu di dalam Padiberas Nasional Bhd (Bernes).

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, sesi libat urus akan diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan syarikat terlibat berada di landasan betul.

"Bila kita buat libat urus mereka (syarikat berkaitan urusan padi dan beras) akan ikut. Kadang-kadang (ada syarikat) terkeluar rel (landasan) tapi ia tidak banyak. Namun kita selalu uar-uarkan (untuk mereka serta) libat urus," ujar beliau.

Menyentuh mengenai program Smart SBB, Mohamad berkata, KPKM mencadangkan petani menggunakan varieti benih padi jenis MRQ 103 Padi Wangi Malaysia (MARIA-MARDI Rice Aroma) bagi menambahkan pendapatan.

Beliau berkata, saranan itu diberikan kepada seramai 84 petani yang mengikuti projek 10 Kumpulan Pengguna Air (KPA) Permatang Durian.



MOHAMAD



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 23 JANUARI 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Jan	KPDN Kedah rampas 466 kg minyak masak subsidi di Kulim	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1203316/kpdn-kedah-rampas-466-kg-minyak-masak-subsidi-di-kulim">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1203316/kpdn-kedah-rampas-466-kg-minyak-masak-subsidi-di-kulim</a>	BERITA HARIAN
23-Jan	KPDN Kedah sita 466 paket minyak masak bersubsidi dan 13 tong gas LPG tiada permit sah	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-kedah-sita-466-paket-minyak-masak-bersubsidi-dan-13-tong-gas-lpg-tiada-permit-sah">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-kedah-sita-466-paket-minyak-masak-bersubsidi-dan-13-tong-gas-lpg-tiada-permit-sah</a>	BERITA RTM
23-Jan	Scammer umpan jual minyak masak peket harga murah	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/22/scammer-umpan-jual-minyak-masak-peket-harga">https://www.kosmo.com.my/2024/01/22/scammer-umpan-jual-minyak-masak-peket-harga</a>	KOSMO
23-Jan	KPDN tubuh skuad khas, pantau kenaikan harga sempena TMP 2024	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-tubuh-skuad-khas-pantau-kenaikan-harga-sempena-tmp-2024">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-tubuh-skuad-khas-pantau-kenaikan-harga-sempena-tmp-2024</a>	BERITA RTM
23-Jan	Dua pengarah Emraz Travel & Tours Sdn Bhd gagal hadir ke mahkamah	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1052906/dua-pengarah-emraz-travel-tours-sdn-bhd-gagal-hadir-">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1052906/dua-pengarah-emraz-travel-tours-sdn-bhd-gagal-hadir-</a>	HARIAN METRO
23-Jan	Suami isteri didakwa tipu pakej umrah tak hadir ke mahkamah	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1203255/suami-isteri-didakwa-tipu-pakej-umrah-tak-hadir-ke-">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1203255/suami-isteri-didakwa-tipu-pakej-umrah-tak-hadir-ke-</a>	BERITA HARIAN
23-Jan	Pendakwaan keatas syarikat umrah, dua pengarah berkait tipu umrah ditangguh	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/pendakwaan-keatas-syarikat-umrah-dua-pengarah-berkait-tipu-">https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/pendakwaan-keatas-syarikat-umrah-dua-pengarah-berkait-tipu-</a>	UTUSAN MALAYSIA
23-Jan	Dua pengarah Emraz sakit, mahkamah tetapkan 13 Feb prosiding pendakwaan	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2264539">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2264539</a>	BERNAMA
23-Jan	2 pengarah Emraz Travel hadapi 51 pertuduhan gagal hadir di mahkamah	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/693920">https://www.malaysiakini.com/news/693920</a>	MALAYSIA KINI

23-Jan	Didakwa tipu pakej umrah, 2 pengarah urusan syarikat berdepan 51 pertuduhan	<a href="https://malaysiapost.com.my/2024/01/22/didakwa-tipu-pakej-umrah-2-pengarah-urusan-syarikat-berdepan-51-pertuduhan/">https://malaysiapost.com.my/2024/01/22/didakwa-tipu-pakej-umrah-2-pengarah-urusan-syarikat-berdepan-51-pertuduhan/</a>	MALAYSIA POST
23-Jan	Teh Hijau Kuala Lumpur, Temu DBKL platform dekati warga kota	<a href="https://www.wilayahku.com.my/teh-hijau-kuala-lumpur-temu-dbkl-platform-dekati-warga-kota/">https://www.wilayahku.com.my/teh-hijau-kuala-lumpur-temu-dbkl-platform-dekati-warga-kota/</a>	WILAYAHKU
23-Jan	FIM2024 sasar jualan francais bernilai RM600 juta	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2024/01/1203320/fim2024-sasar-jualan-francais-bernilai-rm600-juta">https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2024/01/1203320/fim2024-sasar-jualan-francais-bernilai-rm600-juta</a>	BERITA HARIAN
23-Jan	MFA sasar nilai jualan RM600 juta pada FIM 2024	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2264568">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2264568</a>	BERNAMA
23-Jan	Harga gula perlu ikut perkembangan global - Penganalisis	<a href="https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/pasaran/2024/01/1203259/harga-gula-perlu-ikut-perkembangan-global-penganalisis">https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/pasaran/2024/01/1203259/harga-gula-perlu-ikut-perkembangan-global-penganalisis</a>	BERITA HARIAN
23-Jan	KPDN Kedah rampas minyak masak dan gas LPG	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kedah-rampas-minyak-masak-dan-gas-lpg/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kedah-rampas-minyak-masak-dan-gas-lpg/</a>	BULETIN TV3
23-Jan	Kedah KPDN seizes cooking oil, LPG in Kulim	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2264615">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2264615</a>	BERNAMA
23-Jan	466kg minyak masak subsidi, 13 tong gas LPG dirampas di Kulim	<a href="https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/645666">https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/645666</a>	SINAR HARIAN
23-Jan	Dua premis simpan minyak masak peket, LPG tanpa permit diserbu	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/01/22/dua-premis-simpan-minyak-masak-peket-lpg-tanpa-permit-diserbu/">https://www.kosmo.com.my/2024/01/22/dua-premis-simpan-minyak-masak-peket-lpg-tanpa-permit-diserbu/</a>	KOSMO
23-Jan	Lelaki warga asing ulang-alik isi petrol untuk penyeludupan diberkas	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/lelaki-warga-asing-ulang-alik-isi-petrol-untuk-penyaludupan-diberkas/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/lelaki-warga-asing-ulang-alik-isi-petrol-untuk-penyaludupan-diberkas/#google_vignette</a>	UTUSAN MALAYSIA
23-Jan	Penjawat awam direman, disyaki palsukan invois Program Jualan Rahmah	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1053121/penjawat-awam-direman-disyaki-palsukan-invois-program-jualan-rahmah">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1053121/penjawat-awam-direman-disyaki-palsukan-invois-program-jualan-rahmah</a>	HARIAN METRO